



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN AKHBAR

**MINGGU PKS 2016 PULAU PINANG : BELIA, USAHAWAN WANITA
DAN INDUSTRI DESA JADI FOKUS UTAMA**

29 Mei, Tasek Gelugor – SME Corp. Malaysia sekali lagi menganjurkan Minggu PKS 2016 yang menyaksikan sebanyak 177 aktiviti telah dan sedang dilaksanakan di 14 lokasi seluruh negara termasuklah di Pulau Pinang. Minggu PKS peringkat Pulau Pinang menyajikan pelbagai aktiviti menarik untuk usahawan dan orang ramai yang berkunjung seperti sesi pemanfaatan perniagaan, Bicara Usahawan Selebriti bersama Dato' Rosyam Nor dan Dato' Dr. Fazley Yaakob di samping lebih daripada 380 ruang pameran dan info kaunter di Dataran Transformasi Kubang Menerong, Tasek Gelugor.

Bertemakan “Mula Berdikit, Azam Melangit”, Minggu PKS ini mensasarkan untuk menarik PKS dan orang ramai menyertai dan mendapat manfaat daripada bantuan dan sokongan perniagaan serta khidmat nasihat berkaitan penubuhan perniagaan yang sedia ada bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka menjadi perusahaan yang berjaya. Minggu PKS merupakan cetusan idea Y.A.B Perdana Menteri dan dilancarkan oleh beliau pada tahun 2012, khusus untuk memberi pengiktirafan akan kepentingan PKS sebagai tunjang ekonomi negara. Diterajui oleh SME Corp. Malaysia, Minggu PKS diadakan secara serentak di seluruh negara di mana pelbagai Kementerian dan Agensi berkaitan akan menyelaraskan program dan aktiviti mereka berkaitan PKS sepanjang minggu tersebut bagi menyokong kempen ini.

Bagi Negeri Pulau Pinang, fokus penganjuran kali ini adalah menjurus kepada tiga aspek utama iaitu usahawan wanita, belia dan ekonomi desa. Pelbagai program keusahawanan dan aktiviti menarik telah diatur sepanjang program ini berlangsung yang menghubungkan dunia keusahawanan dan masyarakat sepanjang 8 hari ianya dianjurkan. Pada tahun ini juga, rombongan Media daripada Program Jejak PKS juga

akan turut melawat tapak pameran Minggu PKS di samping menemuramah PKS-PKS yang mengambil bahagian di Dataran Transformasi Kubang Menerong ini.

Majlis perasmian Minggu PKS 2016 peringkat Pulau Pinang tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada hari ini. Penganjuran Minggu PKS 2016 Pulau Pinang tahun ini, dilaksanakan bersama-sama dengan PENBEX 2016 dan sambutan 50 Tahun MARA.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

- En. Ahmad Mu'lizz Mohd Yusof (03-2775 6275 / emel - muizzyusof@smecorp.gov.my);
- Pn Siti Jamilah Shahrin (04-390 4519 / emel - sitijamilah@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORPORATION MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470
Kuala Lumpur

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

e-mel: info@smecorp.gov.my

SME CORP. MALAYSIA

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.